

BAB 6

ANALISIS KONTRASTIF ANTARA PENJODOH BILANGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA CINA

Dalam Bab 4 dan Bab 5, penyelidik telah menghuraikan penjodoh bilangan yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina. Seterusnya dalam bab ini, satu perbandingan yang sistematik antara penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina akan dijalankan.

Melalui kajian perbandingan ini, penyelidik akan menghuraikan ciri-ciri persamaan dan perbezaan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina. Namun perbandingan dari segi perbezaannya lebih ditumpukan. Dengan kaedah ini, segala punca dan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar akan dapat diramal dan dikenal pasti supaya langkah-langkah pemulihan dapat dihasil oleh para pengajar.

6.1 Persamaan Penggunaan Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina

Penjodoh bilangan ialah perkataan yang terletak antara kata bilangan dengan kata nama. Penjodoh bilangan yang digunakan mempunyai hubungan rapat dengan kata nama yang mengikutinya. Dalam sesetengah keadaan, setiap kata nama yang digunakan akan menunjukkan saiz, bentuk atau ciri-ciri lain yang ada pada kata nama itu. Dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina, kata bilangan mesti dirangkaikan dengan penjodoh bilangan dan kemudiannya dirangkaikan dengan kata nama:

[kata bilangan + penjodoh bilangan + kata nama]

Contoh:

Bahasa Melayu: a) dua kuntum bunga
 b) * dua bunga

Bahasa Cina: a) 三 朵 花
 sān duǒ huā
 tiga kuntum bunga
 'tiga kuntum bunga'

Kadang-kadang dalam menu dan invois, struktur frasa nama yang terdiri daripada [KB + PB + KN] boleh ditukar kepada struktur:

[kata nama + kata bilangan + penjodoh bilangan]

Contoh:

Bahasa Melayu : susu dua tin

Bahasa Cina: 牛 奶 两 罐
niúnǎi liǎng guàn
susu dua tin
'susu dua tin'

Dalam bahasa Melayu, kecuali kata bilangan satu yang mengambil bentuk 'se', frasa nama lain yang mempunyai struktur [KB + PB + KN] boleh diikuti oleh kata tunjuk 'ini' dan 'itu'. Semua frasa nama dalam bahasa Cina yang mempunyai struktur [KB + PB + KN] juga boleh didahului oleh kata tunjuk 这 zhè 'ini' dan 那 nà 'itu' .

Contoh:

Bahasa Melayu: a) dua biji ciku ini
 b) tiga ekor ikan itu
 c) * sehelai baju ini

Bahasa Cina:

a) 这一 张 纸
zhè yì zhāng zhǐ
ini satu keping kertas
'kertas ini'

b) 那三 块 布
nà sān kuài bù
itu tiga helai kain
'tiga helai kain itu'

Dalam bahasa Cina, kata bilangan — yī ‘satu’ dalam frasa **这一张纸** zhè yì zhāng zhǐ boleh digugurkan menjadi **这张纸** zhè zhāng zhǐ. Setelah perkataan — yī ‘satu’ digugurkan, maknanya adalah sama iaitu ‘kertas ini’.

Satu persamaan lagi ialah sesetengah penjodoh bilangan dalam kedua-dua bahasa Cina dan bahasa Melayu mempunyai ciri bentuk. Ini bermakna apabila sesuatu penjodoh bilangan dirangkaikan dengan sesuatu kata nama (objek), bentuk kata nama (objek) tersebut dapat dibayangkan. Sebagai contoh, dalam bahasa Cina, **一条马路** yì tiáo mǎlù ‘sebatang jalan raya’, penjodoh bilangan 条 tiáo membawa makna jalur, maka dapat dibayangkan jalan raya itu berbentuk batang dan panjang. Dalam bahasa Melayu, contohnya sebutir mutiara, penjodoh bilangan ‘butir’ membawa makna biji yang kecil-kecil, maka dapat dibayangkan mutiara itu berbentuk kecil dan bulat.

Soh Bee Kwee (2001:132) telah membahagikan contoh-contoh penjodoh bilangan bahasa Cina dan bahasa Melayu mengikut ciri bentuk seperti di bawah:

Jadual 6.1: Ciri Bentuk dalam Penjodoh Bilangan Bahasa Cina

Bil	Ciri Bentuk	Contoh-contoh Penjodoh Bilangan dan Kata Nama yang Boleh Dirangkaikan
1	Menunjukkan bentuk batang	道 dào (彩虹 cǎihóng- ‘pelangi’), 条 tiáo (裤带 kùdài- ‘tali pinggang’), 段 duàn (竹竿 zhúgān- ‘buluh’), 串 chuàn (沙爹 shādiē- ‘sate’), 挂 guà (鞭炮 biānpào- ‘mercun’),
2	Menunjukkan bentuk bulat	轮 lún (明月 míngyuè- ‘bulan yang terang’), 卷 juǎn (铁线 tiěxiàn- ‘wayar’), 洞 dòng (隧道 suìdào- ‘terowong’), 面 miàn (鼓 gǔ- ‘dram’), 盘 pán (石磨 shímó- ‘pengisar’), 团 tuán (毛线 máoxiàn- ‘benang kapas’), 筒 tǒng (纸卷 zhǐjuǎn- ‘gulungan kertas’), 孔 kǒng (窑洞 yáodòng- ‘gua’)
3	Menunjukkan bentuk lengkung	弯 wān (月 yuè- ‘bulan’), 钩 gōu (弦月 xiányuè- ‘bulan sabit’), 叶 yè (小舟 xiǎozhōu- ‘kapal kecil’)
4	Menunjukkan bentuk titik	点 diǎn (墨 mò- ‘dakwat’), 粒 lì (米 mǐ- ‘beras’), 颗 kē (扣子 kòuzi- ‘butang’), 滴 dī (水 shuǐ- ‘air’)

5	Menunjukkan benda yang berumpun	丛 cóng (灌木 guànmù- ‘belukar’), 蓬 péng (草 cǎo- ‘rumput’), 簇 cù (鲜花 xiān huā- ‘bunga segar’)
6	Menunjukkan bentuk segitiga	jiǎo 角 (西瓜 xīguā- ‘tembikai’)
7	Menunjukkan benda yang berlonggok	堆 duī (土 tǔ- ‘tanah’), 沓 tà (文件 wénjiàn- ‘dokumen’), 叠 dié (纸 zhǐ- ‘kertas’), 垛 duò (稻草 dàocǎo-padi ‘')

Jadual 6.2: Ciri Bentuk dalam Penjodoh Bilangan Bahasa Melayu

Bil	Ciri Bentuk	Contoh-contoh Penjodoh Bilangan dan Kata Nama yang Boleh Dirangkaikan
1	Menunjukkan bentuk batang	batang (pen), utas (rantai), cucuk (sate), papan (petai), ruas (tebu), deret (kedai), baris (pokok), urat (benang)
2	Menunjukkan bentuk bulat	biji (bola), butir (manik), gelung (dawai), kalung (bunga), lingkar (dawai), gulung (filem)
3	Menunjukkan bentuk lengkung	bentuk (mata kail)
4	Menunjukkan bentuk titik	titik (air), tompok (dakwat)
5	Menunjukkan benda yang berbentuk rumpun	rumpun (buluh)

Dalam penulisan bahasa Melayu dan bahasa Cina, terutamanya sajak, terdapat penggunaan penjodoh bilangan yang kreatif. Penggunaan penjodoh bilangan dalam sesetengah sajak menunjukkan daya kreatif penyajak. Berikut merupakan contoh-contoh penggunaan penjodoh bilangan bahasa Melayu yang kreatif dalam sajak:

i) *secawan mimpi* (Mansor Ahmad Saman, 1981:36)

Penjodoh bilangan *cawan* digunakan untuk menunjukkan cecair yang diisi dalam cawan. Dalam bahasa Melayu, mimpi merupakan kata nama abstrak yang tidak perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan, tetapi puisi merupakan penulisan kreatif, oleh itu penyajak menggunakan cawan untuk mengukur mimpinya.

ii) *sebilah sinar* (Noor S.I., 1980:34)

Penjodoh bilangan *bilah* digunakan untuk senjata atau benda yang tajam dan runcing. Dalam bahasa Melayu, sinar ialah kata nama abstrak yang tidak perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan. Penyajak melihat sinar sebagai benda yang tajam, oleh itu penjodoh bilangan bilah digunakan untuk kata nama sinar.

iii) *sekuntum kekasih* (Noor S.I., 1980:36)

Penjodoh bilangan *kuntum* digunakan untuk bunga. Dalam bahasa Melayu, kekasih ialah kata nama yang dirangkaikan dengan penjodoh bilangan *orang*. Penyair melihat kekasih sebagai sesuatu yang indah seperti bunga, oleh itu penyajak menggunakan penjodoh bilangan *kuntum* untuk kata nama kekasih.

Berikut merupakan contoh-contoh penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina yang kreatif dalam sajak:

i) 一 朵 微笑

yì duǒ wēixiào (Yu Guangzhong, 1995:36)
'satu senyuman'

Penjodoh bilangan 朵 duǒ digunakan khas untuk bunga dan awan. Penyajak melihat 微笑 wēixiào 'senyuman' sebagai sesuatu yang indah seperti bunga, maka

penjodoh bilangan 朵 duǒ digunakan. Penjodoh bilangan yang sesuai untuk 微笑 wēixiào ialah 个 gè. (一个微笑 yí ge wēixiào)

ii) 一座 挑战

yí zuò tiǎozhàn (Yu Guangzhong, 1995:234)
'satu cabaran'

Penjodoh bilangan 座 zuò digunakan untuk objek yang besar dan berada di sebuah kawasan yang tetap seperti bukit dan jambatan. Penyajak melihat 挑战 tiǎozhàn 'cabaran' sebagai sesuatu yang besar dan tidak mudah diatasi, maka penjodoh bilangan 座 zuò digunakan. 挑战 tiǎozhàn 'cabaran' ialah kata nama abstrak, sepatutnya dirangkaikan dengan penjodoh bilangan 个 gè dan 种 zhǒng. (一个挑战 yí ge tiǎozhàn/ 一种挑战 yì zhǒng tiǎozhàn)

iii) 一 噪 巨影

yí zhuāng jùyǐng (Yu Guangzhong, 1995:283)
'satu bayang-bayang yang besar'

Penjodoh bilangan 噪 zhuāng digunakan untuk rumah dan bangunan. Penyajak melihat 巨影 jùyǐng 'bayang-bayang' sebagai sesuatu yang besar, maka penjodoh bilangan 噪 zhuāng digunakan. Kata nama abstrak 巨影 jùyǐng sesuai dirangkaikan dengan penjodoh bilangan 个 gè (一个巨影 yí ge jùyǐng).

6.2 Perbezaan Penggunaan Penjodoh Bilangan antara Bahasa Melayu dan Bahasa Cina

Jumlah penjodoh bilangan dalam bahasa Cina adalah jauh lebih banyak daripada jumlah penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, terdapat banyak benda yang dapat dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sama dalam bahasa Melayu tetapi menggunakan penjodoh bilangan yang berlainan dalam bahasa

Cina. Oleh itu, pelajar-pelajar Melayu mungkin menghadapi masalah memilih penjodoh bilangan yang sesuai untuk sesuatu kata nama dalam bahasa Cina.

Kata-kata nama di dalam jadual berikut ialah kata nama yang dapat dirangkaikan dengan penjodoh bilangan buah, orang, ekor, batang, helai, pucuk, keping, pasang, butir, utas, urat , tetapi menggunakan pelbagai jenis penjodoh bilangan dalam bahasa Cina.

Jadual 6.3: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Buah

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	窗子	chuāngzǐ	tingkap	扇 shàn	buah
2	报告	bàogào	laporan	篇 piān	buah
3	报社	bàoshè	balai berita	家 jiā	buah
4	别墅	biéshù	bangalo	栋 dōng	buah
5	冰箱	bīngxiāng	peti sejuk	台 tái	buah
6	彩旗	cǎiqí	bendera berwarna	面 miàn	buah
7	森林	sēnlín	hutan	片 piàn	buah
8	菜园	càiyuán	kebun	块 kuài	buah
9	参考书	cānkǎoshū	buku rujukan	本 běn	buah
10	餐厅	cāntīng	kafeteria	间 jiān	buah
11	歌曲	gēqǔ	lagu	首 shǒu	buah
12	汽车	qìchē	kereta	辆 liàng	buah
13	城堡	chéngbǎo	kubu	座 zuò	buah
14	船	chuán	kapal	艘 sōu	buah
15	新闻	xīnwén	berita	则 zé	buah
16	桌子	zhuōzi	meja	张 zhāng	buah

17	地区	dìqū	daerah	带	dài	buah
18	地图	dìtú	peta	幅	fù	buah
19	风筝	fēngzhēng	layang-layang	只	zhī	buah
20	故事	gùshì	cerita	段	duàn	buah
21	轿子	jiàozi	tandu	乘	chéng	buah
22	井	jǐng	telaga	口	kǒu	buah
23	论文	lùnwén	tesis	册	cè	buah
24	帽子	màozi	topi	顶	dǐng	buah
25	瀑布	pùbù	air terjun	道	dào	buah
26	照相机	zhàoxiàngjī	kamera	架	jià	buah
27	墙	qiáng	dinding	堵	dǔ	buah
28	古董	gǔdǒng	antik	件	jiàn	buah
29	火箭	huǒjiàn	roket	枚	méi	buah
30	医院	yīyuàn	hospital	所	suǒ	buah
31	山脉	shānmài	banjaran	条	tiáo	buah
32	灯	dēng	lampu	盏	zhǎn	buah
33	大炮	dàpào	meriam	尊	zūn	buah
34	隧道	suìdào	terowong	孔	kǒng	buah
35	油画	yóuhuà	lukisan cat minyak	帧	zhèng	buah
36	百科全书	bǎikēquánshū	ensiklopedia	部	bù	buah
37	恶梦	è' mèng	mimpi seram	场	chǎng	buah
38	海湾	hǎiwān	teluk	道	dào	buah
39	壶	hú	teko	把	bǎ	buah
40	奖品	jiǎngpǐn	hadiyah	份	fèn	buah
41	试验	shíyàn	eksperimen	项	xiàng	buah
42	喇叭	lǎbā	trumpet	支	zhī	buah

Jadual 6.4: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Orang

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	司机	sījī	pemandu	个 gè	orang
2	老师	lǎoshī	guru	名 míng	orang
3	律师	lǜshī	pegawai	位 wèi	orang
4	大将	dàjiàng	general	员 yuán	orang
5	人	rén	orang	口 kǒu	orang

Jadual 6.5: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Ekor

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	兔子	tùzi	arnab	只 zhī	ekor
2	牛	niú	lembu	头 tóu	ekor
3	马	mǎ	kuda	匹 pǐ	ekor
4	猪	zhū	babi	口 kǒu	ekor
5	鱼	yú	ikan	尾 wěi	ekor
6	狗	gǒu	anjing	条 tiáo	ekor

Jadual 6.6: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Batang

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	椰 树	yēshù	pokok kelapa	棵 kē	batang
2	松 树	sōngshù	pokok cemara	株 zhū	batang
3	柱 子	zhùzi	tiang	枝 zhī	batang
4	粉 笔	fěnbì	kapur	支 zhī	batang
5	河	hé	sungai	条 tiáo	batang
6	道 路	dàolù	jalan raya	股 gǔ	batang
7	马 路	mǎlù	jalan raya	道 dào	batang

Jadual 6.7: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Helai

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	衣 服	yīfu	baju	件 jiàn	helai
2	布	bù	kain	匹 pǐ	helai
3	叶 子	yèzi	daun	片 piàn	helai
4	纸	zhǐ	kertas	张 zhāng	helai
5	领 带	lǐngdài	tali leher	条 tiáo	helai

Jadual 6.8: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Pucuk

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	枪	qiāng	pistol	把 bǎ	pucuk
2	信	xìn	surat	封 fēng	pucuk
3	大 炮	dàpào	meriam	门 mén	pucuk
4	针	zhēn	jarum	支 zhī	pucuk

Jadual 6.9: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Keping

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	饼 干	bǐnggān	biskut	块 kuài	keping
2	图 片	túpiàn	gambar	张 zhāng	keping
3	橡 胶	xiàngjiāo	getah	片 piàn	keping
4	邮 票	yóupiào	setem	枚 méi	keping

Jadual 6.10: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Pasang

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	鞋 子	xiézi	kasut	双 shuāng	pasang
2	耳 环	ěrhuán	anting-anting	对 duì	pasang
3	裤 子	kùzi	seluar	条 tiáo	pasang
4	眼 镜	yǎnjìng	cermin mata	副 fù	pasang

Jadual 6.11: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Butir

Bil	Kata Nama			PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	椰 子	yēzi	kelapa	个 gè	butir
2	米	mǐ	beras	粒 lì	butir
3	子 弹	zǐdàn	peluru	枚 méi	butir

Jadual 6.12: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan Urat

Bil	Kata Nama		PB bahasa Cina	PB bahasa Melayu
1	头发	tóufà	rambut	根 gēn
2	线	xiàn	benang	缕 lǚ
3	毛线	máoxiàn	benang kapas	股 gǔ

Berbanding dengan bahasa Melayu, penjodoh bilangan dalam bahasa Cina adalah lebih rumit kerana terdapat sebilangan besar penjodoh bilangan bahasa Cina yang boleh dirangkaikan dengan pelbagai jenis kata nama yang mempunyai bentuk, saiz atau ciri yang berlainan. Contohnya penjodoh nama tunggal 道 dào boleh dirangkikan dengan luka, pintu, pelangi, lauk dan soalan (lihat Jadual 5.1, ms 71). Kata nama yang diberikan tadi mempunyai ciri yang berbeza.

Terdapat sebilangan besar benda yang boleh dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sama dalam bahasa Cina tetapi mengambil penjodoh bilangan yang berlainan dalam bahasa Melayu. Kata-kata nama dalam jadual di bawah ialah kata nama yang boleh dirangkaikan dengan 条 tiáo, 只 zhī, 件 jiàn, 头 tóu, 把 bǎ, 枝 zhī, 枚 méi, 颗 kē, 口 kǒu, 卷 juǎn, 匹 pī, 塊 kuài dan 片 piàn dalam bahasa Cina tetapi perlu menggunakan pelbagai jenis penjodoh bilangan yang berlainan dalam bahasa Melayu.

Jadual 6.13: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 条 tiáo

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	jalan raya	batang	条 tiáo
2	roti	buku	条 tiáo
3	seluar	pasang	条 tiáo
4	ikan	ekor	条 tiáo
5	rambut	helai	条 tiáo
6	tali	utas	条 tiáo
7	banjaran	buah	条 tiáo
8	tocang	ikat	条 tiáo

Jadual 6.14: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 只 zhī

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	gajah	ekor	只 zhī
2	gelang tangan	bentuk	只 zhī
3	feri	buah	只 zhī

Jadual 6.15: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 件 jiàn

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	baju	helai	件 jiàn
2	alat mainan	buah	件 jiàn
3	surat rasmi	pucuk	件 jiàn

Jadual 6.16: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 头 tóu

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	kambing	ekor	头 tóu
2	bawang putih	biji	头 tóu

Jadual 6.17: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 把 bǎ

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	payung	kaki	把 bǎ
2	teko	biji	把 bǎ
3	pisau	bilah	把 bǎ
4	pistol	pucuk	把 bǎ
5	penyapu	batang	把 bǎ

Jadual 6.18: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 枝 zhī

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	bunga ros	tangkai	枝 zhī
2	lilin	batang	枝 zhī
3	senapang	pucuk	枝 zhī

Jadual 6.19: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 枚 méi

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	setem	keping	枚 méi
2	lencana	buah	枚 méi
3	paku	biji	枚 méi
4	roket	buah	枚 méi

Jadual 6.20: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 颗 kē

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	peluru	butir	颗 kē
2	kacang	biji	颗 kē
3	satelit	buah	颗 kē

Jadual 6.21: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 口 kǒu

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	periuk	biji	口 kǒu
2	babi	ekor	口 kǒu

Jadual 6.22: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 卷 juǎn

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	wayar	gelung	卷 juǎn
2	filem	gulung	卷 juǎn

Jadual 6.23: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 匹 pī

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	kain	gulung	匹 pī
2	kuda	ekor	匹 pī

Jadual 6.24: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 块 kuài

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	ais	ketul	块 kuài
2	sabun	buku	块 kuài
3	sapu tangan	helai	块 kuài
4	tanah	bidang	块 kuài
5	roti	keping	块 kuài

Jadual 6.25: Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu untuk Kata Nama yang Mengambil Penjodoh Bilangan 片 piàn

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	kelopak bunga	helai	片 piàn
2	kek	keping	片 piàn
3	ubat tidur	biji	片 piàn

Bilangan penjodoh bilangan dalam bahasa Cina bukan sahaja lebih banyak daripada penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu, malah penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina lebih luas dan rumit.

Kata-kata nama di bawah merupakan kata nama yang dapat dirangkaikan dengan pelbagai jenis penjodoh bilangan dalam bahasa Cina, tetapi hanya dapat dirangkaikan dengan satu penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu.

Jadual 6.26: Kata Nama yang Boleh Dirangkaikan dengan Lebih Daripada Satu Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Cina

Bil	Kata Nama	PB Bahasa Cina	PB Bahasa Melayu
1	森林 sēnlín hutan	片 piàn 座 zuò 丛 cóng 带 dài	buah
2	音乐 yīnyuè muzik	首 shǒu 支 zhī	buah
3	工厂 gōngchǎng kilang	家 jiā 座 zuò 个 gè	buah
4	机器 jīqì mesin	部 bù 架 jià 台 tái 盘 pán	buah
5	井 jǐng perigi	口 kǒu 眼 yǎn 个 gè	buah
6	门 mén pintu	道 dào 扇 shàn 个 gè	buah
7	船 chuán kapal	艘 sōu 条 tiáo 只 zhī	buah
8	笔 bì pen	支 zhī 枝 zhī	batang

		杆 gǎn 管 guǎn	
9	钉子 dīngzǐ paku	颗 kē 枚 méi 根 gēn 个 gè	batang
10	树枝 shùzhī ranting	根 gēn 条 tiáo 枝 zhī	batang
11	医生 yīshēng doktor	位 wèi 名 míng 个 gè	orang
12	戒指 jièzhī cincin	只 zhī 枚 méi 个 gè	bentuk
13	狼 láng serigala	只 zhī 条 tiáo 个 gè	ekor
14	驴 lǘ keldai	匹 pí 头 tóu 条 tiáo	ekor
15	骆驼 luòtuó unta	匹 pí 峰 fēng 个 gè	ekor
16	枪 qiāng pistol	杆 gǎn 把 bǎ 支 zhī	pucuk

17	炮 pào	meriam	门 mén 尊 zūn	pucuk
18	斧头 fǔtóu	kapak	把 bǎ 柄 bǐng 个 gè	bilah
19	叶子 yèzi	daun	张 zhāng 片 piàn	helai
20	豆 dòu	kacang	粒 lì 颗 kē	biji
21	绳子 shéngzi	tali	根 gēn 条 tiáo 股 gǔ	utas
22	筷子 kuàizi	penyepit	把 bǎ 对 duì 副 fù	pasang
23	袜子 wàzi	sarung kaki	对 duì 双 shuāng	pasang
24	人 rén	orang	班 bān 帮 bāng 队 duì 伙 huǒ 群 qún	kumpulan
25	钥匙 yàoshí	kunci	把 bǎ 串 chuàn	gugus
26	面包 miànbāo	roti	块 kuài 片 piàn	keping

27	地 dì tanah	块 kuài 片 piàn	bidang
28	甘蔗 gānzhè tebu	节 jié 截 jié	kerat
29	泪水 lèishuǐ air mata	滴 dī 颗 kē	titik
30	棉花 miánhuā kapas	团 tuán 堆 duī	gumpal
31	香烟 xiāngyān rokok	盒 hé 包 bāo	kotak

6.2.1 Kata Nama dalam Bahasa Melayu yang Tidak Perlu Dirangkaikan dengan Penjodoh Bilangan

Dalam bahasa Melayu, kata bilangan atau kata sifat kuantiti ‘beberapa’ boleh dirangkai terus di hadapan sesetengah kata nama. Perbincangan bahagian di bawah menunjukkan kata-kata nama yang tidak perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu tetapi mesti dirangkai dengan penjodoh bilangan dalam bahasa Cina.

6.2.1.1 Kata Nama Abstrak

Mengikut Asmah Haji Omar (1993:30), kata nama abstrak ialah kata nama yang tidak dapat dilihat, disentuh, dihidu atau didengar, misalnya fikiran, perasaan, kebahagiaan dan sebagainya. Namun terdapat sebilangan kata nama abstrak yang tidak mempunyai ciri-ciri tersebut. Contohnya ‘perkataan’ dan ‘ayat’ sebagai kata nama abstrak boleh dilihat apabila dirujuk kepada perkataan dan ayat yang

ditulis dalam buku. Oleh itu, definisi bagi kata nama abstrak bukanlah sesuatu yang mutlak.

Dalam bahasa Melayu, penjodoh bilangan untuk kata nama abstrak amat terhad penggunaannya. Selama ini hanya terdapat dua penjodoh bilangan untuk kata nama abstrak; iaitu ‘patah’ untuk perkataan dan ‘buah’ untuk pantun, cerita, negara, masyarakat dan sebagainya. Sedangkan dalam bahasa Cina, terdapat banyak penjodoh bilangan untuk kata nama abstrak. Bagi memudahkan penguraian, kata nama abstrak dibahagikan kepada kategori berikut:

i) Kata Nama untuk Masa

Dalam bahasa Melayu, kata nama seperti jam, hari, bulan, tahun, abad, pagi, tengah hari, petang dan malam tidak perlu dirangkai dengan penjodoh bilangan. Dalam bahasa Cina, kata-kata nama seperti 早上 zǎoshang ‘pagi’, 晚上 wǎnshàng ‘malam’ dan 月 yuè ‘bulan’ mesti dirangkai dengan penjodoh bilangan 个 gè. Tetapi kata nama masa seperti 年 nián, ‘tahun’ dan 天 tiān ‘hari’ tidak perlu dirangkai dengan penjodoh bilangan. Contohnya 一年 yì nián ‘satu tahun’ dan 一天 yì tiān ‘satu hari’. Jadual berikut menunjukkan contoh-contoh kata nama bahasa Melayu yang tidak perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan tetapi perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan dalam bahasa Cina.

Jadual 6.27: Kata Nama untuk Masa

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Cina
1	satu pagi	一 个 早 上 yí ge zǎoshang satu PB pagi 'satu pagi'
2	dua petang	两 个 下 午 liǎng ge xiàwǔ dua PB petang 'dua petang'
3	tiga malam	三 个 晚 上 sān ge wǎnshàng tiga PB malam 'tiga malam'
4	empat minggu	四 个 星 期 sì ge xīngqī empat PB minggu 'empat minggu'
5	lima bulan	五 个 月 wǔ ge yuè lima PB bulan 'lima bulan'
6	enam jam	六 个 小 时 liù ge xiǎoshíi enam PB jam 'enam jam'
7	tujuh abad	七 个 世 纪 qī ge shíjì tujuh PB abad 'tujuh abad'

ii) Kata-kata Nama Abstrak yang Lain

Jadual 6.28: Kata-kata Nama Abstrak yang Lain

Bil	Kata Nama			PB Bahasa Melayu	PB Bahasa Cina
1	alasan	理由	lǐyóu	-	个 gè
2	tenaga	力气	lìqì	-	股 gǔ
3	kasih sayang	爱心	āixīn	-	片 piàn
4	suara	声音	shēngyīn	-	把 bǎ
5	cinta	爱	ài	-	份 fèn
6	kerisauan	顾虑	gùnlǜ	-	层 céng
7	keharmonian	和气	héqì	-	团 tuán
8	formula	公式	gōngshì	-	条 tiáo
9	kursus	课	kè	-	门 mén
10	kemahiran	本领	běnlǐng	-	套 tào
11	bakat	才华	cáihuá	-	分 fèn
12	keikhlasan	诚意	chéngyì	-	番 fān
13	perkara	事情	shìqíng	-	件 jiàn

6.2.1.2 Kata Nama ‘orang’

Dalam bahasa Melayu, kata nama ‘orang’ tidak perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan ‘orang’, tetapi dalam bahasa Cina kata nama 人 rén ‘orang’ wajib dirangkaikan dengan penjodoh bilangan 个 gè.

Jadual 6.29: Kata Nama ‘orang’

Bahasa Melayu	Bahasa Cina
dua orang	两 个 人 liǎng ge rén
* dua orang orang	dua PB orang 'dua orang'

6.2.1.3 Kata Nama untuk Bahagian Badan yang Tidak Berpasangan

Dalam bahasa Melayu, bahagian badan yang tidak berpasangan tidak mengambil penjodoh bilangan tetapi dalam bahasa Cina penjodoh bilangan perlu digunakan.

Jadual 6.30: Kata Nama untuk Bahagian Badan yang Tidak Berpasangan

Bahasa Melayu	Bahasa Cina
satu mulut	一 张 嘴巴 yì zhāng zuǐbā satu PB mulut 'satu mulut'
satu hidung	一 个 鼻子 yí ge bízi satu PB hidung 'satu hidung'
satu dagu	一 个 下巴 yí ge xiàbā satu PB dagu 'satu dagu'

6.2.2 Ciri Ekspresi Dalam Penjodoh Bilangan Bahasa Cina

Menurut He Jie (2000:99-102), penjodoh bilangan bahasa Cina bukan sahaja boleh mendeskripsikan bentuk dan kuantiti sesuatu benda atau manusia, malah juga boleh menunjukkan perasaan seseorang seperti suka, benci, memuji dan merendah-rendahkan. Perasaan subjektif inilah yang dikenali sebagai ciri ekspresi. Sebagai contoh, dalam penjodoh bilangan bahasa Cina, 位 wèi selain berfungsi sebagai penjodoh bilangan untuk orang, juga menunjukkan perasaan penghormatan terhadap seseorang yang dirujuk. Penjodoh bilangan 帮 bāng selain berfungsi sebagai penjodoh bilangan kumpulan, juga membawa makna benci dan merendah-rendahkan seseorang. Ciri ekspresi dalam penjodoh bilangan bahasa Cina adalah seperti berikut:

i) Menunjukkan perasaan menghormati dan memuji

Jadual 6.31: Penjodoh Bilangan yang Menunjukkan Perasaan Menghormati dan Memuji

Penjodoh bilangan	Contoh-contoh		
位 wèi	部长	bùzhǎng	menteri
	老师	lǎoshī	guru
	学者	xuézhě	akademikus
	母亲	mǔqīn	ibu
员 yuán	大将	dàjiāng	general
	统领	tǒnglǐng	komander
	虎将	hǔjiāng	general yang berani
	副帅	fùshuài	penolong ketua komander

Contoh ayat 1 :

我们 的 领袖 不 仅 是 一 位 策略 家， 而 且 也 是 一 位 哲 学
家。

Wǒmēn de lǐngxiù bùjǐn shì yí wèi cèlùèjiā, érqiě yě shì yí wèi
zhéxuéjiā.

‘ Pemimpin kita bukan sahaja merupakan seorang ahli taktik, malah seorang ahli falsafah.’

Penggunaan 位 wei dalam ayat 1 membawa perasaan menghormati dan memuji terhadap pemimpin tersebut. Penjodoh bilangan 个 ge tidak digunakan kerana 个 ge ialah penjodoh bilangan am untuk orang dan tidak membawa ciri ekspresi dalam konteks ayat ini.

Contoh ayat 2 :

明华 的 父亲 是 一 员 大 将， 为 国 家 立 下 不 少 功 劳。
Mínghuá de fùqīn shì yì yuán dàjiàng, wèi guójiā lì xià bùshǎo gōngláo.

‘ Bapa Minghua seorang general, beliau telah banyak menyumbangkan jasa kepada negara.’

Penjodoh bilangan 员 yuán digunakan untuk mereka yang berpangkat dalam pasukan tentera dan memberi sumbangan terhadap keamanan negara. Penggunaan 员 yuán dalam ayat 2 membawa perasaan memuji terhadap bapa Minghua sebagai seorang general yang dihormati.

Oleh itu, penjodoh bilangan 位 wei tidak boleh digunakan untuk dirangkaikan dengan penjahat atau orang yang tidak berkelakuan baik, tetapi penjodoh bilangan 个 ge digunakan untuk golongan tersebut.

Contoh: *一位 小偷
 yí wèi xiǎotōu
 一 个 小偷
 yí ge xiǎotōu
 'seorang pencuri'

Walau bagaimanapun, dalam bahasa Melayu, penjodoh bilangan 'orang' digunakan secara amnya untuk semua individu.

Contoh: seorang menteri
 seorang penjaja
 seorang perompak

ii) Menunjukkan perasaan benci dan merendah-rendahkan

Jadual 6.32: Penjodoh Bilangan yang Menunjukkan Perasaan Benci dan Merendah-rendahkan

Penjodoh bilangan	Contoh-contoh		
窝 wō 'sarang'	贼 zéi		pencuri
	懒 蛋 lǎndàn		pemalas
	无 赖 wúlài		samseng
伙 huǒ 'kumpulan'	赌 徒 dǔtú		kaki judi
	强 盗 qiángdào		lanun
	歹 徒 dǎitú		penjahat
窠 kē 'sarang'	色 鬼 sèguǐ		kaki perempuan
	胆 小 鬼 dǎnxiǎoguǐ		pengecut
	败 家 子 bàijiāzì		bangsat
股 gǔ 'kumpulan'	土 匪 tǔfěi		penyamun
	敌 军 díjūn		tentera musuh

帮 bāng 'kumpulan'	傻瓜 shǎguā 白痴 báichī 扒手 páshǒu	shǎguā báichī páshǒu	si bodoh si bodoh penceluk saku
撮 cuō 'kumpulan kecil'	反党分子 fǎndǎng fènzi 坏人 huàirén	fǎndǎng fènzi huàirén	pembangkang penjahat

Contoh ayat 3:

那窝 无赖 常常 欺负 村 里 的 妇女 及 小孩。
Nà wō wúlài chángcháng qīfù cūn li de fùnǚ jí xiǎohái.

'Samseng-samseng itu selalu menyakat perempuan dan kanak-kanak dalam kampung.'

Contoh ayat 4:

警察 正在 追捕 一伙 强盗。
Jǐngchá zhèngzài zhuībǔ yì huǒ qiángdào.

'Polis sedang mengejar segerombolan lanun.'

Contoh ayat 5 :

有一撮 坏人 正 设法 破坏 我们 国家 的 安宁。
Yǒu yì cuō huàirén zhèng shèfǎ pòhuài wǒmen guójiā de ān' níng.

'Terdapat segerombolan penjahat cuba menghancurkan keamanan negara kita.'

Dalam penjodoh bilangan 窝 wō dan 撮 cuō terkandung perasaan benci.

Kedua-dua penjodoh bilangan ini dirangkaikan dengan mereka yang tidak berkelakuan baik seperti samseng, lanun dan penjahat. Penjodoh bilangan 伙 huǒ jika dirangkaikan dengan orang yang tidak berkelakuan baik, maka 伙 huǒ terkandung perasaan benci. Tetapi jika 伙 huǒ dirangkaikan dengan orang lain contohnya remaja dan kanak-kanak, ia tidak membawa ciri ekspresi yang negatif.

Dalam bahasa Melayu, cuma penjodoh bilangan ‘gerombolan’ yang mempunyai ciri ekspresi. Dalam penjodoh bilangan ‘gerombolan’ terkandung perasaan benci dan merendah- rendahkan sesuatu kumpulan manusia, contohnya:

segerombolan pengganas

segerombolan penjahat

segerombolan perompak

segerombolan lanun

6.2.3 Penggandaan dalam Penjodoh Bilangan Bahasa Cina

Penjodoh bilangan dalam bahasa Cina boleh digandakan untuk menunjukkan makna ‘setiap’ , tetapi penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu tidak boleh digandakan.

Contoh-contoh penjodoh bilangan bahasa Cina yang digandakan:

i) 一 棵 棵 树
yì kē kē shù
satu PB PB pokok
'setiap pokok'

ii) 一 朵 朵 花
yì duǒ duǒ huā
satu PB PB bunga
'setiap bunga'

iii) 一 本 本 书
yì běn běn shū
satu PB PB buku
'setiap buku'

iv) 一 辆 辆 车
yí liàng liàng chē
satu PB PB kereta
'setiap kereta'

6.2.4 Penjodoh Bilangan yang Tidak Terdapat dalam Bahasa Melayu

i) Penjodoh Bilangan Untuk Kata Kerja (Mv)

Dalam bahasa Melayu, kata kerja tidak dirangkaikan dengan sebarang penjodoh bilangan. Apabila hendak membilang sesuatu perbuatan yang dilakukan, perkataan ‘kali’ digunakan. Contohnya: pergi sekali, minum dua kali dan sebagainya.

Dalam bahasa Cina, terdapat penjodoh bilangan yang dirangkaikan dengan kata kerja (sila rujuk 5.8, ms110). Penjodoh bilangan ini digunakan untuk membilang sesuatu perbuatan yang dilakukan. Struktur penjodoh bilangan untuk kata kerja berbeza dengan struktur biasa.

Struktur penjodoh bilangan untuk kata kerja:

[kata kerja + kata bilangan + penjodoh bilangan]

Contoh:

去 一 趟
qù yí tàng
pergi satu Mv

Dalam bahasa Melayu, frasa di atas ditulis sebagai:

‘pergi sekali’

ii) Penjodoh Bilangan yang Dirangkaikan Antara Kata Kerja dan Objek (Mc’)

Dalam bahasa Melayu, penjodoh bilangan tidak diselitkan antara kata kerja dan objek, tetapi dalam bahasa Cina, terdapat penjodoh bilangan jenis ini (sila rujuk 5.7,ms108) struktur penggunaan penjodoh bilangan ini adalah seperti berikut:

[kata kerja + kata bilangan + penjodoh bilangan + objek]

Contoh:

说 一 口 日 文
shuō yì kǒu rìwén

‘bertutur satu PB bahasa Jepun’

Dalam bahasa Melayu, frasa di atas ditulis sebagai:

‘bertutur dalam bahasa Jepun yang baik’

iii) Penjodoh Bilangan Sementara (Mt)

Dalam bahasa Melayu, tiada penjodoh bilangan sementara tetapi dalam bahasa Cina, penjodoh bilangan sementara ini wujud (sila rujuk 5.5, ms101). Struktur penjodoh bilangan sementara ini ialah:

[kata bilangan ‘satu’ + penjodoh bilangan + kata nama]

Contohnya:

— 地 玩 具
yí dì wánjù (地 dì bermakna lantai)
satu PB alat mainan

Dalam bahasa Melayu, frasa di atas tidak perlu dirangkai dengan penjodoh bilangan dan ditulis sebagai :

‘lantai penuh dengan alat mainan’